

**Ketepikan gosip dalam Umno, Shafie percaya pada saranan status quo**  
**Malaysian Insider**  
**Oct 7 , 2013**  
**OLEH JENNIFER GOMEZ**

Berbaki 10 hari sebelum pemilihan Umno, Datuk Seri Shafie Apdal (gambar) berpegang kepada saranan pucuk pimpinan Datuk Seri Najib Razak yang mahu mengekalkan status quo dalam pemilihan naib presiden.

Terdapat perkhabaran bahawa Shafie bakal kehilangan jawatan yang ditandinginya kali ini kerana hanya sebilangan daripada 191 bahagian yang menyatakan sokongan untuk menyokongnya.

"Ikrar sebegitu tidak mencorak keputusan. Ketua bahagian mungkin boleh berikrar tetapi bagaimana mereka boleh memastikan undi di peringkat akar umbi. Jangan lupa 146,500 perwakilan akan mengundi kali ini dan sesetengah bahagian mempunyai 2,000 ahli. Jadi, mampukah ketua bahagian menjamin undi ahli mereka?" katanya kepada The Malaysian Insider.

Di bawah sistem pemilihan baru, pemenang dikira mendapat undi di peringkat bahagian jika mendapat undi majoriti perwakilan namun dengan cara ini ada yang beranggapan kuasa ketua bahagian menjadi semakin besar berbanding 2,500 perwakilan yang memilih pemimpin mereka seperti kaedah pemilihan sebelum ini.

Pada pemilihan 2009, Shafie hanya mendapat 1,445 undi daripada 2,500 perwakilan bagi memenangi jawatan itu sementara Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi mendapat 1,592 undi dan Datuk Seri Hishammuddin Hussein pula mendapat 1,515 undi.

Ketiga-tiga penyandang itu berdepan Menteri Besar Kedah, Datuk Mukhriz Mahathir; Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad dan bekas Menteri Besar Melaka, Datuk Seri Ali Rustam.

Shafie berkata beliau telah bertungkus-lumus sepanjang tiga tahun lalu dan mendapat maklum balas yang baik di peringkat akar umbi.

"Apa yang saya katakan ini bukan sahaja pendapat perwakilan tetapi bahasa badan dan reaksi mereka apabila saya hadir ke kampung-kampung," kata Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah itu yang juga adalah pemimpin Umno pertama Sabah yang memenangi jawatan naib presiden sejak pemilihan Umno 2009.

Laporan terkini berdasarkan ikrar ketua bahagian meletakkan Ahmad Zahid di hadapan dengan mendapat sokongan 130 bahagian sementara Hishammuddin mendapat sokongan kira-kira 80 bahagian.

Terdapat perkhabaran 25 bahagian di Sabah telah menyatakan sokongan kepada Shafie biarpun hubungan beliau bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman belum berada di tahap memuaskan.

"Saya tahu saya mendapat sokongannya. Ini bukan kali pertama saya bertanding. Saya pernah menganggotai Majlis Tertinggi dan ini kali kedua bertanding untuk naib presiden. Semua ini adalah hasil undi mereka," katanya berdasarkan sokongan Umno Sabah yang diberikan kepadanya.

Bagaimanapun, Shafie menafikan kekeruhan hubungannya dengan Musa dan menolak dakwaan sedemikian.

Shafie berkata hubungannya dengan Musa berada dalam keadaan baik dan ini dapat dibuktikan projek pembangunan di kawasan pedalaman Sabah.

"Saya telah bertemu beliau beberapa minggu lalu di Kota Kinabalu bagi membincangkan kerja pembangunan. Kami sememangnya bekerjasama kerana sekiranya tiada hubungan yang baik pastinya projek pembangunan di luar bandar tidak menjadi kenyataan," ujarnya lagi.

Shafie optimis melihat peluangnya dalam pemilihan kali ini.

"Ikrar tak penting tetapi sentiasa bekerja keras untuk memenangi pemilihan. Bagaimana hendak cemerlang dalam peperiksaan jika tidak belajar. Begitu jugalah jika mahu terpilih mesti bekerja keras," katanya.

Shafie juga positif dengan saranan Najib untuk mengekalkan status quo bagi pemilihan naib presiden namun menurutnya itu hanyalah saranan bukannya arahan. – 7 Oktober, 2013..

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ketepikan-gossip-dalam-umno-shafie-percaya-pada-saranan-status-quo>